

25/09/1997

Lotus berkonsep kereta sport, ringkas

PENGELUARAN kereta Lotus bermula pada 1957 apabila model Lotus Seven diperkenalkan. Jenis itu berkonsepkan perbelanjaan rendah dan kereta sport ringkas yang menghasilkan prestasi mengejutkan. Ia dihasilkan sehingga 1973, apabila hak pengeluarannya diambilalih oleh Caterham Cars Ltd, yang masih menghasilkan Caterham Seven sehingga ke hari ini.

Model Lotus Elite dihasilkan dan pada tahun yang sama, kilang berkenaan berpindah dari Hornsey ke tempat baru iaitu Delmare Road, Chesnut. Namun pada 1966, berpindah ke lokasinya sekarang iaitu di Hethel, Norfolk.

Titik kebangkitan Lotus Cars semakin memberangsangkan apabila ia menjadi syarikat tersenarai pada 1968. Dalam tempoh 16 tahun selepas itu (1968-1984), kilang di Norfolk berjaya mengeluarkan kereta Lotus yang ke-30,000.

Perkembangan positif dalam empayar Lotus berkenaan menambat General Motors untuk pengambilalihan Lotus Group pada 1986. Pada 1989, mereka memperkenalkan kereta pacuan depan pertama yang dikenali dengan Elan S2 dan tahun berikutnya Lotus Carlton/Omega iaitu kereta salun terpantas di dunia dihasilkan.

Perubahan sekagi lagi berlaku dalam syarikat berkenaan apabila Bugatti membeli Lotus Group daripada General Motors dan di bawah pengurusan baru itu Lotus Elise diperkenalkan di Pameran Automobil Frankfurt pada 1995. Model terbaru Esprit V8 dilancarkan pada April 1996 dan pada Junnya pula pengeluaran Elise bermula. Sebulan selepas itu model pertama Elise diserahkan kepada pengedar.

Tanggal 31 Oktober 1995, Kumpulan DRB-HICOM membuat kejutan apabila menguasai kepentingan Lotus Group International Limited. Menerusi anak syarikatnya Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), ia menguasai 80 peratus saham dalam Lotus yang dibeli dengan harga 51 juta pound (RM249 juta).

Dengan pembelian itu, Proton akan menambah peranannya sebagai pengeluar kereta antarabangsa dan mengekalkan daya saingan keluarannya untuk masa depan.

Menurut Ketua Eksekutif Proton, Tengku Mahaleel Tengku Ariff, teknologi Lotus yang sedia ada dapat digunakan untuk membantu pengeluar kereta nasional itu terutama dalam kejuruteraan bagi menghasilkan sebuah kereta yang berwajah Malaysia tulen baik dari segi rekaan, enjin dan segala komponen.

Selepas ini tidak mustahil kereta pertama berdasarkan reka bentuk Lotus dapat berada di jalan raya Malaysia sebelum akhir abad ini. "Proton akan menjadikan Lotus sebagai pusat pembangunan dan penyelidikan (R & D). Malah ada jurutera yang kini ditempatkan untuk menimba ilmu di Lotus," katanya ketika ditemui di Pameran Automobil Antarabangsa di Frankfurt, baru-baru ini.

Proton juga sedang membangunkan kereta tempatan yang sepenuhnya direka menggunakan teknologi komputer dan menampilkan ciri kereta Proton dan Lotus. Penghasilan model terbaru yang menjadi kenderaan tempatan sepenuhnya adalah lambang kejayaan perkongsian pintar yang dilaksanakan antara Proton dengan Lotus.

Sebulan berikutnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan batu asas Pusat Projek Body-in-White bernilai 7 juta pound (RM31.5 juta) di Lotus. Kesungguhan Malaysia kemudiannya terus menonjol apabila Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar membuat lawatan tidak rasmi ke kilang itu. Seri Paduka baginda berkesempatan merasmikan pusat mengecat

dan menyalut kereta Lotus pada akhir Jun lalu.

Kilang Lotus di Hethel, Norfolk ialah kira-kira 12 kilometer dari Norwich dan berkeluasan 22 hektar. Ia dibina di atas pangkalan udara lama dan syarikat itu berpusat di sana sejak 1966 dan disinilah Lotus Cars dan Lotus Engineering beroperasi.

Kawasan Lotus Cars merangkumi pejabat pengeluaran, kewangan, tempahan, jualan dan pemasaran, pengeluaran bahagian komposit, fabrik, cat, mesin, pengumpulan enjin, dewan pameran dan hiasan manakala kemudahan dalam kawasan Lotus Engineering ialah pejabat operasi utama, pusat projek, bengkel kejuruteraan dan kemudahan kejuruteraan khas.

Selain itu, makmal dengan teknologi terkini dan kemudahan menguji tahap enjin dan bunyi keseluruhan kereta, gegaran dan semua keadaan pecutan serta suhu. Kilang berkenaan juga mempunyai studio yang menempatkan pereka berbilang kerakyatan serta litar ujian sejauh 3.5 kilometer.

Jenis kereta yang dikeluarkan di kilang itu sekarang ialah Esprit dan Elise. Esprit ialah kereta sport dua tempat duduk dengan casis besi yang dilancarkan pada 1975.

Perubahan terhadap model itu termasuk Sport 300 (Oktober 1992) menggunakan rangka ringan dan enjin 300 bhp. Espirt S4 (Januari 1993) pula mempersembahkan hiasan dalaman yang diubahsuai dan stering berkuasa. Model S4s (Oktober 1994) menyediakan lebih kuasa berbanding S4 dengan mengubah roda dan tayar.

Kini, 9,000 unit Esprit dikeluarkan dengan 450 unit setahun. Pameran Automobil Geneva pada Mac 1996 Esprit V8 dilancarkan. Esprit bertahap baru, rekaan lebih halus dan mudah dipandu dalam semua model baru Lotus dengan enjin lapan silinder turbo.

Pengeluaran V8 Esprit bermula Februari dan dijual kepada pelanggan bermula Mei tahun lalu.

Sehubungan itu, Esprit GT3 diperkenalkan di Pameran Automobil Paris. Versi terbaru Esprit itu ialah kereta sport, dijana dengan enjin 2.0 turbo khas menggunakan empat silinder.

Elise mewakili falsafah rekaan paling terkini Lotus, lebih ringan dengan kos sederhana dan menggunakan peralatan tepat.

Elise mampu memecut dengan maksimum walaupun ringan. Elise seberat 675 kilogram, dengan casis termoden (rangka hanya seberat 65 kilogram) - yang pertama di dunia serta suspensi aluminium dan cakera brek.

(END)